








**Paradigma Baru
Teologi Wanita**

Nasaruddin Umar





© Sisters in Islam, 2004

Diterjemahkan oleh:
Nora Murat

Disunting oleh:
Prof Madya Datin Dr Rashidah Shuib

Diterbit di Malaysia oleh:
SISTERS IN ISLAM
No 25, Jalan 5/31
46000 Petaling Jaya
Selangor, Malaysia
Tel: 603-7960 6121 / 6122
Fax: 603-7960 4737
E-mail: sistersinislam@pd.jaring.my
Website: www.sistersinislam.org.my

Dicetak oleh:
Micom Sdn Bhd




Rekabentuk muka depan oleh:
Aida Melly Tan Mutallib


Dibiayai oleh:
The Asia Foundation

Hakcipta terpelihara. Sebarang bahagian dalam buku ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi atau dipindah dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang cara, baik dengan cara elektronik, mekanik, penggambaran semula, perakaman ataupun sebaliknya, tanpa izin terlebih dahulu daripada pihak penerbit.

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan






Nasaruddin Umar, 1959-
Paradigma Baru Teologi Wanita / Nasaruddin Umar.
ISBN 983-2622-21-2
1. Women-Religious Aspects-Islam. 2. Women in Islam.
I. Judul. 297.082






Kandungan

Pendahuluan	1
Benarkah Wanita sebagai Pelengkap Keinginan Lelaki?	3
Benarkah Manusia dicipta di Syurga?	5
Benarkah Wanita Berasal daripada Tulang Rusuk?	9
Benarkah Wanita Adalah Penggoda?	21
Penutup	27
Daftar Pusaka	29
Latar Belakang Penulis	31





Pendahuluan


Dalil-dalil agama sering digunakan untuk menolak keseksamaan gender. Dalil-dalil agama juga dijadikan alasan untuk mempertahankan *kedudukan (status quo)* wanita. Bahkan dalil-dalil agama juga dijadikan rujukan bagi alasan pembahagian kerja berdasarkan jantina, seolah-olah kaum lelaki ditakdirkan bergiat di arena awam manakala kaum wanita di arena rumahtangga. Tanpa disedari, kefahaman agama yang sebegini lama telah melahirkan kesan seolah-olah wanita sememangnya tidak setaraf dengan lelaki.


Kedudukan status wanita yang rendah ini diperkuatkan dengan perkembangan berbagai konsep dan teori ilmu-ilmu sosial, seperti antropologi, sosiologi dan historiografi yang epistemologinya didasari oleh kefahaman keagamaan di dalam masyarakat yang bias gender. Maskulinisasi epistemologi ini bukan hanya melahirkan ilmu pengetahuan dan teknologi yang sangat memihak kepada lelaki tetapi juga melahirkan kebudayaan dan peradaban yang penuh dengan diskriminasi gender.

Di sinilah pentingnya teori Max Weber yang menganggap persoalan teologi sebagai faktor utama yang harus diberi perhatian. Menurutnya, kelakuan masyarakat tidak boleh berubah tanpa mengubah sistem etikanya dan sistem etika tidak mungkin berubah tanpa meneliti sistem teologi masyarakat tersebut.

Selama ini wacana wanita tidak mengambil berat persoalan asas ini. Wacana wanita, termasuk wacana gender, lebih banyak menyoroti persoalan-persoalan yang lebih merupakan akibat dan kesan dan tidak menyoroti penyebab utama terjadinya perkara tersebut.

Daripada perspektif teologi terdapat empat perkara yang berpotensi menjadi faktor penting mempengaruhi pembentukan anggapan stereotaip terhadap wanita. Pertama, anggapan bahawa wanita tercipta hanya sebagai melengkapi hasrat dan keinginan Adam di syurga







Paradigma Baru Teologi Perempuan

menjadikan wanita itu hanya sebagai pelengkap keinginan lelaki. Kedua, tempat di mana manusia pertama telah diciptakan iaitu syurga (yang berada di alam ghaib), telah melahirkan pelbagai mitos yang memperolokkan wanita. Ketiga, anggapan bahawa wanita dicipta daripada tulang rusuk Adam meletakkan kedudukan wanita lebih rendah daripada lelaki. Keempat, anggapan bahawa godaan wanitalah yang menyebabkan terkeluarnya Adam dari syurga ke bumi adalah satu drama kosmik. Cerita ini telah melahirkan konsep 'dosa warisan' yang dibebankan kepada wanita. Keempat-empat persoalan teologi ini melahirkan pandangan 'misoginis' yang merugikan wanita.

Tradisi pemahaman keagamaan seperti ini diturunkan kepada tradisi intelektual dunia Islam melalui perhubungan Islam dengan budaya Yunani, Hellenisme, Sasania-Parsi, Yahudi, Kristian dan juga warisan adat Jahiliyah yang dipengaruhi Majusi dan Zoroaster.





Benarkah Wanita sebagai Pelengkap Keinginan Lelaki?

Kitab Injil menyatakan dengan tegas bahawa tujuan wanita diciptakan adalah untuk melengkapi salah satu keinginan Adam. Pernyataan ini dapat dilihat di dalam Kitab Kejadian 2:18: “Allah berfirman: ‘Tidak baik kalau seorang lelaki bersendirian dan kerananya Eva (Hawa) diciptakan sebagai pelayan yang sesuai untuk Adam (*a helper suitable for him*).’¹




Pernyataan tersebut menyatakan fitrah dan kedudukan wanita sebagai pelengkap keinginan dan keperluan lelaki. Bahan rujukan lain ada menyebut bahawa ketika diberi pelbagai kemewahan syurga, Adam kelihatan tidak bersemangat, bahkan menjadi pendiam, seolah-olah memerlukan sesuatu yang dia sendiri tidak tahu apa sebenarnya yang diperlukan. Kerana itulah dia dipanggil Adam yang berasal daripada bahasa Hebrew, iaitu daripada akar kata *alef* (yang satu) dan *dom* (sunyi, diam dan bisu).² Di syurga Adam kebingungan apabila ditinggalkan sendirian oleh isteri pertamanya bernama Lillith³ yang diciptakan pada waktu yang sama dan daripada unsur yang sama iaitu tanah. Lillith tidak mahu menjadi “pelayan” dan akhirnya memilih untuk meninggalkan Adam sendirian. Tuhan kemudiannya mencipta Hawa sebagai isteri kedua daripada tulang rusuk Adam sebagai pelayan baru (*the new helper*).⁴ Makhluk misteri ini juga dihubungkan dengan

¹ Terjemahan daripada *The Holy Bible*, Guelph, Ontario: The Gideons International in Canada, h. 2.

² Sumber lain menyatakan perkataan Adam berasal dari bahasa Hebrew Adamah yang bererti bumi. Lihat Lisa Aiken, *To Be a Jewish Woman*, Northvale, New Jersey, London: Jason Aronson, 1992, h. 6-7.

³ Lillith digambarkan sebagai syaitan betina yang berwajah manusia, berambut panjang dan mempunyai sayap, berterbangan di malam hari. Lihat *Ibid.*, h. 23. Lihat juga Monica Sjoon dan Barbara Mor, *The Great Cosmic Mother, Rediscovering the Religion of the Earth*, San Francisco: Harper and Row Publishers, 1985, h. 276-277.

⁴ Sumber ini tidak begitu popular di kalangan kaum Yahudi kerana dianggap sebagai kepercayaan sempalan. Namun demikian, cerita ini boleh ditemui dalam Talmud, seperti Erubin 100b, Bava Batra 73b, Niddah 24b, Sabbath 151b. Rujukan juga kepada Rabbi Dr I. Epstein (Editorship), *Hebrew-English Edition of the Babylonian Talmud*, Vol. 1 (Erubin), London, Jerusalem: The Soncino Press, 1976, h. 73a-73b. Juga dalam Vol. 6 (Niddah), h. 24b.



Paradigma Baru Teologi Perempuan

salah satu bab dalam Kitab Perjanjian Lama (Yesaya 34:14).⁵




Dalam kesusasteraan Islam, al-Quran ataupun Hadith, tidak ada menyebut Lillith atau nama-nama lain. Hadith hanya menyebut Hawa sebagai satu-satunya isteri Adam. Dari pasangan Adam dan Hawa, lahir beberapa putera-puteri yang dikahwinkan secara bersilang. Dari pasangan-pasangan inilah populasi manusia berkembang.




Al-Quran tidak membezakan tujuan penciptaan wanita dan lelaki iaitu sebagai khalifah (Surah al-An'am 6:165) dan sebagai hamba (Surah al-Dzariyat 51:56). Kedua-dua fungsi ini dibebankan kepada manusia semenjak awal penciptaannya, terutama yang tercermin di dalam perjanjian asal manusia dengan Tuhannya (Surah al-A'raf 7:172).

Ayat lain menegaskan bahawa Tuhan mencipta wanita agar hambanya dalam keadaan berpasang-pasangan. "*Segala sesuatu Kami ciptakan berpasang-pasangan supaya kamu mengingati (keesaan) Allah*" (Surah al-Dzariyat 51:49). Satu-satunya yang tidak berpasangan ialah Dia Sendiri Yang Maha Esa (Surah al-Ikhlash 112:1).

Jelaslah tujuan wanita itu dicipta bukanlah untuk melengkapi hasrat dan keinginan lelaki, sebagaimana pemahaman yang berkembang secara meluas dalam masyarakat sebelum Islam.

⁵ Lisa Aiken, Loc. Cit, dan di dalam *Holy Bible*, h. 516.






Benarkah Manusia dicipta di Syurga?

Di manakah syurga Adam dan Hawa dicipta? Adakah syurga itu berada di alam ghaib atau dalam bentuk ‘taman’ yang ada di bumi? Pertanyaan ini haruslah dijawab dengan jelas kerana legenda penciptaan Adam dan Hawa melahirkan mitos asasi fizik-biologi manusia. Ia termasuk mitos selaput darah (selaput dara) dan mitos mengenai darah haid yang banyak merugikan wanita. Ia seolah-olah mencerminkan bahawa manusia yang merupakan sejenis makhluk fizik-biologi, berasal dari alam yang sama sekali bukan fizik-biologi. Perubahan dari alam bukan fizik-biologi ke alam fizik-biologi adalah melalui mekanisme yang sukar difahami oleh pemikiran manusia. Hanya sedikit sahaja maklumat yang boleh didapati dari ayat dan hadith mengenai drama kosmik ini. Oleh itu drama kosmik ini sarat dengan berbagai mitos seperti yang akan dihuraikan nanti.






Seandainya kita menerima tafsiran golongan minoriti ulama yang mengatakan bahawa syurga (*al-jannah*⁶) dalam pengertian daripada segi bahasa, bermakna taman, dan taman tersebut berada di alam maya ini, maka ia mungkin akan mengurangkan mitos fizik-biologi manusia.




Kontroversi mengenai syurga (*al-jannah*) sebagai tempat penciptaan Adam dan Hawa juga mengundang perdebatan di kalangan ulama Tafsir. Sebahagian daripada mereka berpendapat bahawa walaupun manusia adalah sebahagian daripada makhluk biologi, asal-usul penciptaannya adalah berbeza daripada makhluk biologi lain. Pada mulanya penciptaan manusia dilakukan di syurga yang digambarkan berada di luar planet bumi, sebagaimana yang banyak difahami selama ini.⁷ Namun demikian, Abu al-Qasim al-Balkhi dan Abu Muslim al-

⁶ Perkataan الجنة berasal daripada حن yang bererti menutupi, gelap, membungkus, tersembunyi, tertutup. Dari akar kata ini pula terbentuk kata الجن yang bererti jin, kerana ia tersembunyi, جنين bererti janin, kerana ia tersembunyi di dalam rahim ibu, الجنة bererti taman, kerana taman menutupi bonggolan tanah.

⁷ Antara ulama yang berpendapat begini adalah Juba'i, yang mengatakan manusia tercipta di syurga yang terletak di langit ketujuh, kemudian diturunkan ke bumi. Lihat *Tafsir al-Razi, op. cit.*, Jilid 1, h. 452. Pendapat ini susah untuk diterima oleh dunia sains kerana kehidupan makhluk biologi memerlukan keadaan tertentu bagi membolehkan mereka hidup. Semenjak proses penciptaannya, manusia belum pernah mengalami kepupusan. Daripada segi ini dapat dianggap bahawa kehidupan manusia belum pernah mengalami perubahan dari planet lain ke planet bumi.








Paradigma Baru Teologi Perempuan

Isfahani, sebagaimana yang diberitahu Al-Razi, berpendapat bahawa syurga (الجنة) yang secara harfiah bererti ‘taman’ tempat manusia diciptakan, berada di dalam planet bumi dengan alasan berikut:


1. Perkataan yang digunakan Tuhan untuk memerintahkan Adam dan Hawa meninggalkan syurga ialah kata (اهبطوا) turunlah/ Surah al-Baqarah 2:236), lebih memberi gambaran geografi, ertinya ia berada dalam jangkauan kehidupan fizik, seperti istilah yang digunakan dalam Surah al-Baqarah 2:61 (اهبطوا مصرا).
Seandainya syurga yang dimaksudkan adalah tempat pembalasan, tentulah mereka kekal di dalamnya sebagaimana firman Tuhan dalam Surah al-Hijr 15:48: (وما هم منها بمخرجين) dan mereka sama sekali tidak akan dikeluarkan darinya.
3. Tempat tersebut adalah tempat untuk memperolehi keredhaan Tuhan, bebas daripada perilaku iblis yang enggan sujud dan menyebabkan kemarahan Tuhan.
4. Syurga adalah tempat pembalasan di mana kenikmatan di dalamnya tidak akan berakhir, sebagaimana yang ditegaskan dalam Surah al-Ra'd 13:35: اكلها دائم وظلها (buahnya tak henti-henti dan naungannya demikian pula). Banyak ayat lain juga menyebut syurga sebagai tempat kekal. Jika Adam dan Hawa keluar, ini bererti bahawa ia tidak selaras dengan ayat-ayat tersebut.
5. Adalah tidak tepat jika manusia dicipta di dalam syurga kerana syurga adalah tempat pembalasan segala amal kebajikan.






Benarkah Manusia Dicipta di Syurga?


6. Cerita penciptaan Adam daripada tanah tidak dihubungkan dengan kisah kejatuhan manusia dari satu alam ke alam lain, atau dari satu planet ke planet lain.⁸
7. Surah Thaha 20:55 menjelaskan:
منها خلقناكم وفيها نعيدكم ومنها نخرجكم تارة أخرى
Dari bumi (tanah) itulah kami menjadikan kamu dan kepadanya Kami akan mengembalikan kamu dan daripadanya Kami akan mengeluarkanmu pada waktu yang lain. Ayat ini boleh menyokong alasan-alasan tersebut di atas.

Jika pemahaman yang kedua ini diterima, selain lebih mudah diterima oleh logik ilmu pengetahuan, ia juga akan dapat menyelesaikan semua persoalan di sekitar penciptaan awal manusia mengenai *penciptaan pertama* dan *penciptaan kedua*. Ia juga boleh menyelesaikan kontroversi mengenai kedudukan wanita sebagai penggoda (*mudawamah/temptress*), yang menyebabkan manusia jatuh ke bumi, dan juga mitos pendarahan haid yang dianggap sebagai kutukan terhadap dosa wanita dan sebagainya.



⁸ *Ibid.*





Benarkah Wanita Berasal daripada Tulang Rusuk?

Perkataan tulang rusuk (ضلع) tidak dapat ditemui dalam al-Quran, bahkan perkataan Hawa yang sering dianggap sebagai isteri Adam juga tidak pernah disebutkan secara pasti di dalam al-Quran. Cerita tentang penciptaan Hawa daripada tulang rusuk Adam hanya dapat ditemui dalam sebuah hadis yang terkumpul di dalam *Tafsir al-Thabari*, yang dikenali sebagai memperkenalkan banyak kisah *israiliyat*,⁹ atau cerita rakyat sebelum Islam, seperti berikut:

حدثني موسى بن هارون، قال: أخبرنا عمر بن حماد،
قال: ثنا أسباط، عن السدي، قال: أسكن آدم الجنة، فكان
يمشي فيها وحشا ليس له زوج، يسكن إليها فنام نومة،
فاستيقظ فإذا عند رأسه امرأة قاعدة، خلقها الله من
ضلعه، فسألها من أنت؟ قالت امرأة، قال: ولم خلقت؟
قالت: لتسكن إلي.¹⁰

Diriwayatkan dari Musa ibn Harun: Saya diberitahu oleh ‘Amr ibn Hammad dari Asbad dari al-Sadi berkata: Ketika Tuhan menempatkan Adam di syurga dia hidup dan berjalan sendirian tanpa didampingi pasangan. Suatu ketika sedang Adam tidur, dia bermimpi di samping kepalanya duduk seorang perempuan yang Allah ciptakan dari tulang rusuknya. Adam bertanya: “Siapa Anda?” Dijawab “Aku seorang perempuan”, Adam bertanya: “Untuk apa Anda diciptakan?” Dijawab: “Supaya kamu tinggal bersamaku”.

⁹ *Israiliyat* bererti: cerita-cerita yang bersumberkan agama-agama Samawi sebelum Islam, seperti daripada agama Yahudi dan Nasrani.

¹⁰ *Tafsir al-Thabari*, Jilid III, h.224

Huraian riwayat di atas mirip dengan huraian Kitab Kejadian, khususnya Para 21-23. Riwayat-riwayat begini banyak diperkenalkan di dalam kitab-kitab Tafsir klasik. Kitab-kitab sejarah Islam, seperti *Tarikh al-Umam wa al-Muluk* oleh al-Thabari, *al-Kamil fi al-Tarikh* oleh Ibn Aqir, *al-Sirah al-Nabawiyah* oleh Ibn Hisyam. Rasyid Ridla dalam kitab *al-Manar* nya pernah mengatakan bahawa sekiranya tidak pernah ada cerita penciptaan wanita seperti di dalam al-Kitab, maka tidak akan ada cerita seperti itu dalam dunia intelektual Islam.

Jika diperhatikan ayat-ayat yang membicarakan tentang produksi dan reproduksi manusia maka nampaknya al-Quran menggunakan 12 istilah yang dapat dianggap sebagai intipati kejadian manusia, iaitu: الماء (air),¹¹ الأرض (tanah bumi),¹² التراب (tanah gembur),¹³ الطين (tanah liat),¹⁴ صلصال كالغبار (tanah liat yang pekat),¹⁵




¹¹ Perkataan الماء (asalunya موه) jamaknya مياه atau امواه bererti "air". Penggunaannya di dalam al-Quran berulang sebanyak 63 kali dan semuanya dalam bentuk *mufrad* (lihat al-Isfahani, op. cit., h. 498. Bandingkan dengan *Lisan al-Arab*, Jilid XIII, h. 542-543, yang menyebutkan pendapat Sibawaihi yang mengatakan perkataan الماء berasal dari perkataan موه dan pendapat lain mengatakan dari perkataan اماء yang bererti "air"). Menurut al-Maragi, perkataan الماء dalam Surah al-Anbiya' 21:30 tersebut bererti air yang menjadi unsur kehidupan awal makhluk biologi (tumbuh-tumbuhan dan haiwan), iaitu air laut. Menurutnya tumbuh-tumbuhan dan haiwan terlebih dahulu hidup di laut (*Tafsir al-Maragi*, Jilid VI, h. 26). Berbeza dengan al-Thabari yang memahami الماء ayat tersebut sebagai air hujan, kerana air hujanlah yang membolehkan makhluk biologi hidup dan berkembang (*Tafsir al-Thabari*, Jilid VII, h. 20).

¹² Perkataan الأرض jamaknya اراض atau الاراضي bererti bumi, tanah, bahagian bawah (al-Isfahani, op.cit., h. 12. *Lisan al-Arab*, Jilid VII, h. 112). Di dalam Al-Quran ia telah diulang sebanyak 461 kali dan semuanya adalah dalam bentuk tunggal. Hampir semua perkataan ini digunakan untuk menyebutkan tempat tinggal manusia dalam menjalankan fungsinya sebagai hamba ('abid) dan sebagai wakil Tuhan di bumi (*khalifah fi al-ard*). Perkataan tersebut juga digunakan sebagai salah satu planet yang beredar di atas garis edarannya

¹³ Perkataan التراب jamaknya تربان وتربان bererti debu, tanah (al-Isfahani, h.323. *Lisan al-Arab*, Jilid XIII, h. 270) Penggunaannya di dalam al-Quran terulang sebanyak 22 kali. Tanah mempunyai beberapa lapisan yang dikenali sebagai struktur tanah. Tanah di bahagian atas yang biasanya berwarna hitam disebut sebagai tanah gambut atau tanah subur. Tanah yang berada di lapisan bawah biasanya keras dan tidak subur. Tanah di bahagian atas umumnya tidak padat dan biasanya berdebu (Bucaille, *Asal-Usul*, h.204).

¹⁴ Perkataan الطين berasal dari kata يطين - يطن bererti memplaster, dilumur dengan tanah atau lumpur. الطين bererti tanah yang mengandungi banyak air, lumpur (al-Isfahani, h. 323. *Lisan al-Arab*, Jilid XIII, h. 270). Penggunaannya di dalam al-Quran berulang sebanyak 12 kali dan semuanya digunakan hanya untuk menyatakan asal-usul kejadian manusia. Bucaille melihat الطين ini sebagai komponen penting dalam pembentukan fizik manusia (Bucaille, *Asal-Usul*, h.204).

¹⁵ Perkataan صلصال كالغبار berasal dari perkataan يلزب - لرب bererti 'menjadi kuat, tetap' dan perkataan طين لارب biasa diertikan sebagai yang pekat, keras dan liat (al-Isfahani, h. 470. *Lisan al-Arab*, Jilid I, h. 730). Oleh itu الطين لارب boleh diertikan sebagai dengan 'tanah liat yang pekat dan keras'. Penggunaannya dalam al-Quran hanya sekali, iaitu di dalam al-Shaffat 37:11.



Benarkah Wanita Berasal daripada Tulang Rusuk?

liat seperti tembikar), **صلصال من حماء مسنون** (tanah liat dari lumpur yang boleh dibentuk),¹⁶ **نفس واحد** (diri yang satu),¹⁷ **مَنِيَّ يُمْنَى** (mani yang dikeluarkan),¹⁸ **طين سلالة من** (sari pati tanah liat),¹⁹ **نطفة أمشاج** (cairan mani yang bercampur),²⁰ **ماء مهين** (cairan yang hina).²¹

Menurut Al-Razi, jenis-jenis tanah sebagai intipati kejadian manusia tidak bertentangan antara satu sama lain. Jenis-jenis tanah tersebut adalah sesuai dengan proses penciptaan manusia. Penciptaan manusia bermula daripada debu (**تراب**), kemudian diproses menjadi tanah (**طين**),

¹⁶ Perkataan **صلصال** dalam ayat ini bererti tanah yang sudah kering setelah sebelumnya basah dan lembap (al-Razi, Jilid X, h. 348). Perkataan **صلصال** bererti 'tanah yang bercampur air dan berwarna kehitam-hitaman' dan perkataan **صلصال** bererti 'wadah cetakan' (*Tafsir al-Marai*, Jilid V, h. 20).






¹⁷ Perkataan **نفس واحد** akan dihuraikan secara khusus dalam bab ini.

¹⁸ Perkataan **سلالة** berasal dari perkataan **سلا - يسلا - يسلا** bererti 'mencabut, mengeluarkan'. **سلالة** bererti 'sesuatu yang tercabut'. Oleh itu **طين من سلالة** bererti 'sesuatu' yang berasal dari tanah. Al-Razi mengemukakan dua pendapat dari perkataan ini. Pertama, dia menyebutkan riwayat Ibn Abbas dari Ikrimah, Qatadah dan Muqatil bahawa yang dimaksudkan dengan perkataan itu adalah Adam, kerana Adam berasal dari tanah. Kemudian anak cucu Adam dari 'air yang hina'. Pendapat lainnya mengatakan bahawa perkataan manusia (dalam ayat ini bererti anak-cucu Adam, dan perkataan dalam ayat ini adalah nama Adam, dan perkataan **طين من سلالة** bererti unsur-unsur dari tanah yang terkandung dalam Adam lalu berproses menjadi air mani (ibid, Jilid VIII, h. 264-263).

¹⁹ Perkataan **مَنِيَّ** sudah menjadi Bahasa Indonesia yang baku bererti 'cairan kental yang menyembur dari lelaki semasa ejakulasi dan merupakan hasil berbagai organ, contohnya dari buah zakar, kerudung mani, kelenjar prostat; sperma. (*Kamus Besar Indonesia*, h. 556). Pengertian ini sejajar dengan keterangan para ilmuwan biologi, termasuk Bucaille. Bahkan Bucaille mengatakan bahawa keterangan dari ayat ini telah mendahului sains mengenai spermatozoa di abad 17 (Bucaille, *Asal-Usul*, h. 216). Perkataan ini hanya digunakan sekali di dalam al-Quran (Surah al-Qiyamah 75:37).

²⁰ Perkataan **نطفة** berasal dari perkataan **ينطف - ينطف** bererti mengalir, menuangkan sedikit demi sedikit. Perkataan **نطفة** biasa diertikan dengan titisan cairan. Dalam al-Quran berulang sebanyak 12 kali dan semuanya digunakan sebagai istilah untuk intipati kejadian anak-cucu Adam, iaitu cairan dari lelaki. *Al-Ragib al-Isfahani*, h. 517. Perkataan **أمشاج** bererti campuran atau bercampur. Bucaille tidak bersetuju dengan penafsiran klasik yang menafsirkan **نطفة أمشاج** dengan cairan campuran (mani) lelaki dan perempuan, kerana yang menghasilkan sperma hanyalah lelaki. Wanita mempunyai sel telur yang tidak terkandung di dalam suatu cairan seperti sperma. Cairan dalam vagina wanita tidak mempunyai apa-apa peranan dalam proses pembenihan. Apa yang dimaksudkan dengan cairan yang bercampur ialah sperma lelaki yang kompleks kerana mengandungi beberapa kelenjar dari buah zakar, prostat dan kelenjar yang melekat pada saluran kencing (Bucaille, *Asal-Usul*, h. 217-218).

²¹ Menurut al-Razi **ماء مهين** bermaksud air mani, kerana asalnya dari tanah maka sesungguhnya dapat disebut air yang hina. (*Al-Razi*, Jilid IX, h. 141). Perkara yang sama juga dinyatakan oleh Bucaille iaitu yang hina bukan cairannya, tetapi kenyataan bahawa cairan tersebut keluar dari saluran kencing (Bucaille, ibid. h. 218).



kemudian diproses menjadi seperti lumpur yang boleh dibentuk (حمامسنون) kemudian menjadi tanah liat seperti tembikar (صلصال كالفخار).²² Jenis air juga telah disebut seperti مَنِيَّ يُمْنَى (mani yang dikeluarkan), نُطْقَةَ أَمْشَاجٍ (cairan, mani yang bercampur), dan مَاءٍ مَهِينٍ (cairan yang hina), merupakan asal-usul reproduksi manusia sebagai anak-cucu Adam.

Jika diteliti kata-kata tersebut tidak ada satupun yang bermaksud ضلع (tulang rusuk). Oleh itu sukar untuk memutuskan bahawa wanita berasal daripada tulang rusuk.

Satu-satunya ayat yang mengisyaratkan asal-usul kejadian wanita dari Adam ialah Surah an-Nisa 4:1:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ اتَّقُوا رَبَّكُمُ الَّذِي خَلَقَكُمْ مِنْ نَفْسٍ وَاحِدَةٍ
وَخَلَقَ مِنْهَا زَوْجَهَا وَبَثَّ مِنْهُمَا رِجَالًا كَثِيرًا وَنِسَاءً وَاتَّقُوا
اللَّهَ الَّذِي تَسَاءَلُونَ بِهِ وَالْأَرْحَامَ إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلَيْكُمْ رَقِيبًا

Hai sekalian manusia, bertakwalah kepada Tuhanmu yang telah menciptakan kalian dari 'diri' yang satu, dan daripadanya Allah menciptakan pasangannya, dan daripada keduanya Allah memperkembang-biakkan lelaki dan perempuan yang banyak. Dan bertakwalah kepada Allah yang dengan (mempergunakan) namaNya kamu saling meminta satu sama lain, dan (peliharalah) hubungan silaturrahim. Sesungguhnya Allah selalu menjaga dan mengawasimu.

Maksud ayat ini masih terbuka untuk dibincangkan kerana ayat ini umum. Para mufassir juga mempunyai berlainan pendapat mengenai 'diri yang satu' (نَفْسٍ وَاحِدَةٍ), siapa yang dimaksudkan pada kata ganti (damir) 'daripadanya' (مِنْهَا), dan apa yang dimaksudkan sebagai

²² Lihat ibid, Jilid VIII, h. 137.

‘pasangan’ زَوْجَهَا dalam ayat tersebut?

Kitab-kitab Tafsir *mu'tabar* daripada kalangan jumbuh seperti *Tafsir Al-Qurtubi*,²³ *Tafsir Al-Mizan*,²⁴ *Tafsir Ibn Katsir*,²⁵ *Tafsir Ruh al-Bayan*,²⁶ *Tafsir al-Kasysyaf*,²⁷ *Tafsir al-Sa'ud*,²⁸ *Tafsir Jami' al-Bayan*,²⁹ dan *Tafsir al-Maragi*,³⁰ semuanya menafsirkan perkataan *nafs al-wahidah* نَفْسٌ وَاحِدَةٌ sebagai Adam, *dhamir* مِنْهَا ditafsirkan sebagai ‘dari bahagian tubuh Adam’, dan perkataan زَوْجَهَا ditafsirkan sebagai Hawa, isteri Adam. Alasan mereka ialah adanya beberapa hadis Nabi yang mengisyaratkan bahawa wanita (Hawa) diciptakan dari salah satu tulang rusuk Adam. Antara hadis tersebut adalah:

حَدِيثُ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِنَّ الْمَرْأَةَ كَالضِّلْعِ إِذَا ذَهَبَتْ نُقِيمُهَا كَسَرْتَهَا وَإِنْ تَرَكَتَهَا اسْتَمْتَعْتَ بِهَا وَفِيهَا عَوْجٌ³¹

Abu Hurairah r.a. berkata: Rasulullah bersabda: ‘*Sesungguhnya perempuan seperti tulang rusuk, jika kamu cuba meluruskannya ia akan patah. Tetapi jika kamu membiarkannya maka kamu akan menikmatinya dengan tetap dalam keadaan bengkok*’.

Terdapat perbezaan pendapat bagi segolongan ulama dan mereka mengemukakan bahawa asal-usul kejadian wanita bukan daripada tulang rusuk. Al-Razi mengambil pendapat Abu Muslim Al-Isfahani yang mengatakan *dhamir* هَا pada perkataan مِنْهَا bukan bermaksud

²³ *Tafsir Al-Qurtubi*, Jilid I, h. 448

²⁴ *Tafsir Al-Mizan*, Jilid IV, h. 135

²⁵ *Tafsir Ibn Katsir*, Jilid I, h. 448

²⁶ *Tafsir Ruh al-Bayan*, Jilid II, h. 159

²⁷ *Tafsir al-Kasysyaf*, Jilid I, h. 492

²⁸ *Tafsir al-Sa'ud*, Jilid I, h. 138

²⁹ *Tafsir Jami' al-Bayan*, Jilid III, h. 224-225

³⁰ *Tafsir al-Maragi*, Jilid 2, h. 175

³¹ Hadis ini diriwayatkan oleh Bukhari (3084), Muslim (2669), al-Darimi (2125) dan Ahmad ibn Hanbal (*Musnad Ahmad ibn Hanbal*, Jilid II, h. 449, 497 dan 530).

sebahagian tubuh Adam, tetapi 'dari jenis (*jins*) Adam' (من جنسها).³² Ia membandingkan pendapatnya dengan menganalisis perkataan *نفس* yang digunakan dalam beberapa ayat, seperti dalam Surah al-Nahl 16:78, Surah al-Imran 3:164 dan Surah al-Taubah 9:128. Tidak satupun yang boleh dikaitkan dengan kisah tulang rusuk.




Sayang sekali al-Razi tidak memberikan pendapat yang terperinci dan analisis kritis mengenai pandangan tersebut di atas, sedangkan pendapat ini boleh dijadikan perbandingan atau dijadikan pendapat alternatif di samping pendapat ulama jumhur. Malah al-Razi di akhir perbahasan ini telah melemahkan pendapat tersebut dengan mengambil pendapat seorang kadi.

Jika sekiranya Hawa adalah makhluk pertama maka manusia diciptakan dari dua diri, bukannya satu. Mungkin hal ini dapat diselesaikan dengan menganggap kata '*min*' berfungsi sebagai 'bentuk pertama' (*ibtida' al-ghayah*), maka ketika permulaan penciptaan dan kewujudan Adam a.s., maka kenyataan '*kamu sekalian diciptakan dari diri yang satu*' adalah benar. Demikian juga jika dikatakan bahawa 'sesungguhnya Allah swt, berkuasa untuk menciptakan Adam dari tanah, maka Dia pun akan berkuasa untuk menciptakan Hawa dari tanah', maka apa gunanya (kenyataan Rasulullah): 'Ia diciptakan dari salah satu dari tulang rusuk Adam'.³³

Adalah menarik mengkaji pendapat al-Isfahani di atas kerana jika diteliti secara cermat penggunaan kata *nafs* yang berulang sebanyak 295 kali dalam berbagai bentuk dalam al-Quran, tidak satupun dengan tegas merujuk kepada Adam. Perkataan *nafs* kadang-kala bererti 'jiwa'

³² *Tafsir al-Razi*, Jilid III, h. 478. Perkataan *من جنسها* pada kata *من جنسها* bukan merujuk kepada penciptaan awal (*ibtida' al-ghayah*), tetapi hanya sebagai *ghayah* (*ibtida' al-ghayah*). Oleh itu dapat difahami bahawa asal-usul Hawa bukan dari Adam tetapi dari unsur genetik yang satu, unsur bagi seluruh makhluk hidup. Sedikit pembetulan kepada komentar Yusuf Ali dalam *The Holy Quran-nya*, bahawa adalah tidak benar al-Razi mempunyai pendapat bahawa dhamir 'ha' bukan Adam tetapi dari *nafs*. Al-Razi mengungkapkan pendapat ulama lain (al-Isfahani), sebagaimana salah satu ciri tafsir al-Razi ialah selalu mengungkapkan pendapat berbagai ulama sebagai perbandingan.



³³ *Ibid.*, Jilid III, h. 478






Benarkah Wanita Berasal daripada Tulang Rusuk?

(Surah al-Maidah 5:32), ‘nafsu’ (Surah al-Fajr 89:27), ‘nyawa/roh’ (Surah al-Ankabut 29:57). Perkataan *al-nafs al-wahidah* sebagai ‘asal-usul kejadian’ berulang sebanyak 5 kali tetapi ia tidak semestinya bererti Adam. Ini adalah kerana pada ayat lain, perkataan *nafs* juga menceritakan asal-usul binatang, seperti dalam Surah al-Syura 42:11. Jika diertikan *al-nafs al-wahidah* sebagai Adam, bererti Adam juga adalah punca asal-usul haiwan dan tumbuh-tumbuhan.

Perhatikan sekali lagi bahawa ayat ini menggunakan bentuk *nakirah/indefinite* ‘dari satu diri’ (من نفس واحدة). Ia bukan dalam bentuk *ma’rifah/definite* (من النفس الواحدة), bererti menunjukkan kepada ‘punca utama’ (*the first resource*), iaitu asal (unsur) kejadian Adam dan bukan Adam sebagai punca kedua. Di samping itu seandainya yang dimaksudkan oleh perkataan *نفس* ialah Adam, mengapa tidak digunakan perkataan *واحد* (bentuk *muzakkar*)? Sebaliknya perkataan yang digunakan adalah *واحدة* (bentuk *mu’annats*). Perkataan *nafs*³⁴ adalah termasuk kategori *mu’annats* sebagaimana beberapa *ism ‘alam* (nama benda-benda alam) lainnya, tetapi dalam al-Quran sering dijumpai sifat menyalahi bentuk *mausuf*-nya, kemudian merujuk kepada




³⁴ Adalah menarik untuk dikaji dengan lebih lanjut, mengapa dalam bahasa Arab, bahasa yang digunakan oleh al-Quran, terdapat beberapa benda alam atau nama-nama benda yang menakjubkan seperti matahari (*al-syams*), bulan (*al-qamar*), langit (*al-sama*), angin (*al-rih*), tanah, bumi (*al-ard*), jiwa (*al-nafs*) dan sebagainya dikategorikan dalam gender perempuan (*mu’annats*). Besar kemungkinan ia berkaitan dengan mitologi Mesir Kuno dan Asia Tengah yang pada umumnya menganut fahaman *The Mother God*. Bulan contohnya dianggap sebagai Ibu Alam Semesta kerana ia mempunyai cahaya yang membawa berbagai kesuburan dan sangat penting dalam pertumbuhan dan perkembangan makhluk hidup. Sebelum kedatangan Islam bangsa Arab masih menganggap bulan sebagai dewi yang berpengaruh dan menurut Owen, dari sinilah umat Islam sejak dahulu sehingga sekarang menggunakan bulan sebagai simbol dan bulan sabit sebagai lambang ‘Palang Merah’ dunia Islam. (Lihat Barbara Walker, op. cit., h. 669. Lihat juga Lara Owen, *Her Blood is Gold, Celebrating The Power of Menstruation*, San Francisco: Harper San Francisco, 1993, h. 30-31). Proses peralihan *The Mother God* kepada *The Father God* membawa implikasi sosial dan mempunyai perhubungan dengan peralihan masyarakat matriaki ke masyarakat patriarki. Agama-agama Smith (Yahudi, Kristian dan Islam) dianggap merombak sistem dan struktur masyarakat matriarki yang pernah dibangunkan oleh mitologi sebelumnya kepada sistem patriarki (lihat contohnya Merlin Stone, *When God Was a Woman*, New York, London: A Harvest/HBJ Book Harcourt Brace Jovanich, 1976, dan J. Edgar Bruns, *God as Woman, Woman as God*, New York, Paramus, Toronto: Paulist Press 1973). Tetapi Susan Starr Scred tidak setuju membesar-besarkan agama sebagai faktor paling dominan dalam pembentukan sesuatu sistem masyarakat seperti masyarakat matrifokal atau patrifokal, matriarkal atau patriarkal, dan matrilineal atau patrilineal, kerana faktor ekologi dan budaya juga sangat penting (lihat Susan Starr Scred, op. cit., h. 284).



hakikat yang disifati, jika yang disifati itu hendak ditekankan oleh Sang Pembicara (*Mukhatab*). Sebagai contoh Surah al-A'raf 7:56 (إِنَّ رَحْمَةَ اللَّهِ قَرِيبٌ مِنَ الْمُحْسِنِينَ) semestinya dikatakan قَرِيبَةٌ sebagai sifat daripada رَحْمَةٌ yang berbentuk *mu'annats*, tetapi kerana sifat merujuk kepada hakikat yang disifati iaitu الإحسان yang berbentuk *muzakkar*, maka sifat pun harus *muzakkar* lalu digunakanlah kata قَرِيبٌ.

Muhammad Abduh dalam *Tafsir al-Manar* menolak dengan tegas penafsiran perkataan نَفْسٌ وَاحِدَةٌ dengan Adam. Alasan yang dikemukakan Abduh adalah seperti berikut.

1. Ayat ini dimulai dengan 'wahai sekalian manusia' (يَا أَيُّهَا النَّاسُ), bererti ditujukan kepada seluruh manusia tanpa membezakan agama, suku bangsa dan warna kulit. Ia tidak mungkin bermaksud Adam kerana Adam tidak popular dan tidak diakui kewujudannya oleh semua umat manusia sebagai manusia pertama. Oleh itu, نَفْسٌ وَاحِدَةٌ ayat ini bermaksud apa yang diakui secara universal oleh seluruh umat manusia.
2. Jika yang dimaksudkan adalah Adam, mengapa menggunakan bentuk *nakirah* pada perkataan كَثِيرًا وَنِسَاءً dan bukannya menggunakan bentuk *ma'rifah* (وَبِثَّ مِنْهُمَا رَجَالًا) (وَبِثَّ مِنْهُمَا الرِّجَالُ وَالنِّسَاءُ)? Mengapa menggunakan 'satu jiwa tertentu' (نَفْسٌ مَعْهُودَةٌ) iaitu Adam dan Hawa, sedangkan kitab ini ditujukan kepada seluruh bangsa secara keseluruhan apabila banyak bangsa dan kelompok masyarakat bukan sahaja tidak mengakui kewujudan Adam dan Hawa tetapi juga mereka tidak mengenali dan tidak pernah mendengar tentang mereka. Bahkan bukanlah satu perkara asing bagi satu bangsa menuntut asal-usul dan nenek moyang sendiri, seperti bangsa Cina dan kelompok etnik lain.




Benarkah Wanita Berasal daripada Tulang Rusuk?

3. Silsilah keturunan Adam dan Hawa sebagai nenek moyang manusia lebih tegas dalam masyarakat Yahudi. Mitos ini tidak perlu diikuti oleh umat Islam kerana pedoman utama bagi mereka adalah *nas* yang *tsarih* atau dalil yang jelas dan tegas.
4. Jika ayat tersebut merujuk kepada Adam, maka Adam yang mana satu? Adam masih merupakan misteri di kalangan ulama tafsir. Kalangan mufassir mengisyaratkan adanya Adam-Adam sebelum Nabi Adam, seperti yang dikemukakan oleh al-Alusi dalam *Tafsir Ruh al-Ma'ani*, bahawa sesungguhnya Allah telah menciptakan 30 Adam sebelum Adam nenek-moyang kita, dan jarak antara Adam yang satu dan yang lain adalah sekitar 1,000 tahun. Oleh itu jarak antara Adam-Adam itu dengan Adam nenek moyang kita adalah sekitar 100,000 tahun. Adam-Adam inilah yang dijadikan alasan para Malaikat bahawa manusia akhirnya akan melakukan pertumpahan darah (Surah al-Baqarah 2:30) jika mereka diciptakan. Banyak lagi riwayat lain yang berkaitan dengan Adam-Adam tersebut diambil dari *Tafsir al-Manar* tetapi ini tidak bererti Abduh bersetuju dengan pendapat itu. Ia diungkapkan dalam rangka mendukung pendapatnya bahawa **نفس واحدة** bukanlah Adam.
5. Mengenai makna perkataan **نفس** dalam ayat ini, Abduh mengambil pendapat para falsafah yang menganggap **النفس** dan **الروح** mempunyai erti yang sama, iaitu sesuatu yang tidak bersifat fizikal. Oleh itu tidak boleh diertikan dengan Adam yang berkonotasi fizikal.³⁵ Pendapat Abduh ini adalah sejajar dengan pendapat yang dikemukakan oleh seorang ulama Syiah yang menyamakan **نفس واحدة** dengan 'roh'.³⁶

³⁵ *Tafsir al-Manar*, Jilid IV, h. 223-230

³⁶ Lihat S. V. Mir Ahmed Ali dengan *special notes/musyarrif*, Hujjatul Islam Ayatullah Haji Mirza Mahdi Pooya Yazdi, *The Holy Quran*, Karachi, Pakistan; Muhamad Khaleel Shirazi, 1964, h. 359.



6. Mengenai perkataan **وَوَخَّلَقَ مِنْهَا زَوْجَهَا**, Abduh bersetuju dengan pendapat Abu Muslim al-Isfahani bahawa *dhamir* **ها** dalam ayat ini merujuk kepada jenis ‘diri yang satu’ **واحدة نفس**.³⁷ Abduh menambah bahawa:

وخلق زوجها منها على هذا الوجه يحتمل أن يكون منها
ذاتها وأن يكون من جنسها أن النفس الواحدة كانت
جامعة لأعضاء الذكورة والأنوثة كالذودة الوحيدة ثم
ارتقت فصار أفرادها زوجين³⁸

Dan pasangannya diciptakan dari dirinya dalam hal ini mengandung erti berasal dari unsur dan jenis yang sama. Sesungguhnya ‘satu diri’ mencakupi organ-organ lelaki dan perempuan. Ini serupa dengan ‘satu sayap’ yang berkembang, lalu individu-individunya menjadi berpasang-pasangan.


Abduh juga menyokong pendapat al-Zamakhshyari yang berpendapat bahawa *wau* ‘*athf* dalam **وَوَخَّلَقَ مِنْهَا زَوْجَهَا** mengikut kepada kata yang tersembunyi di belakangnya, sehingga seolah-olah ayat ini berbunyi: ‘... dari diri yang satu itu juga pasangan Adam diciptakan **وخلق منها زوجها من نفس واحدة أنشأها وابتدأها**.³⁹

Meskipun dihuraikan dengan panjang lebar tetapi Abduh sendiri tidak memberikan kesimpulan yang konkrit siapa sesungguhnya yang dimaksudkan oleh **واحدة نفس** dalam ayat ini. Perkataan *nafs wahidah* **واحدة نفس** boleh jadi satu *genus* dan salah satu spesiesnya ialah Adam dan pasangannya (*zauj-nya*) (Surah al-A’raf 7:189), sedangkan spesies lain ialah binatang dan pasangannya (Surah al-Syura 42:11) serta

³⁷ Ibid., h. 230

³⁸ *Tafsir al-Manar*, Jilid IV, h. 231

³⁹ Ibid



Benarkah Wanita Berasal daripada Tulang Rusuk?


tumbuh-tumbuhan dan pasangan masing-masing (Surah Thaha 20:53).


Konsep teologi yang menganggap Hawa berasal daripada tulang rusuk Adam membawa implikasi psikologi, sosial, budaya, ekonomi dan politik. Maklumat dari sumber-sumber ajaran agama mengenai asal-usul kejadian wanita belum boleh dijelaskan dengan terang oleh ilmu pengetahuan. Di kalangan feminis Yahudi dan Kristian, mereka berkecenderungan memahami kisah-kisah tersebut sebagai simbol yang perlu diberikan makna lain.⁴⁰ Terdapat feminis Muslimah seperti Mernissi⁴¹ yang cenderung mengkritik jalur riwayat (*sanad*), materi (*matan*) dan asal-usul (*sabab wurud*) beberapa hadis yang merendahkan wanita, yang diistilahkan sebagai hadis-hadis misoginis. Mernissi juga melakukan kajian semantik dan *sabab nuzul* terhadap beberapa ayat al-Quran berhubungan dengan wanita. Lain pula dengan Amina Wadud-Muhsin yang memberikan perhatian khusus kepada konsep umum al-Quran mengenai wanita. Di dalam buku kecilnya *Quran and Women*, dia berusaha memperkenalkan tema-tema utama dalam al-Quran yang memfokus kepada keupayaan peningkatan martabat manusia secara umum tanpa membezakan jenis kelamin, suku bangsa dan agama. Menurutnya, Tuhan memberikan persamaan antara lelaki dan wanita semenjak awal penciptaan manusia, iaitu keduanya diciptakan daripada unsur yang sama sebagai khalifah di bumi, dan sama-sama berpeluang meraih keuntungan di syurga.⁴²

⁴⁰ Lihat contohnya Susan Weidman Schneider, *Jewish and Female, Choices and Changes in Our Lives Today*, New York: Simon and Schuster, 1984 dan Philip Culbertston, *The Future of Male Spirituality*, New Adam, Minneapolis: Foetress Press, 1992.

⁴¹ Antara karya Fatima Mernissi yang paling popular ialah *The Veil and The Male Elite, a Feminist Interpretation of Women's Rights in Islam*, edisi Inggeris diterbitkan di 21 negara. Dalam buku ini Mernissi antara lain seolah-olah menggugat kalangan penguasa dan ulama yang memberikan pandangan menurut adat Arab terhadap beberapa ayat dan hadis, terutama sesudah Rasulullah wafat.

⁴² Lihat Amina Wadud-Muhsin, *Quran and Women*, Kuala Lumpur, Fajar Bakti, 1992.





Benarkah Wanita adalah Penggoda?

Salah satu perspektif yang sukar diubah dalam tradisi masyarakat ialah wanita sebagai penggoda. Ia sukar diubah kerana termaktub dalam Kitab Kejadian 3:12:


Manusia itu menjawab: “Perempuan yang Kau tempatkan disisiku, dialah yang memberi buah pohon itu kepadaku, maka ku makan”.

Sebagai balasan terhadap kesalahan wanita itu maka dijatuhkan semacam hukuman sebagaimana disebutkan dalam Kitab Kejadian 3:16:

FirmanNya kepada perempuan itu: “Akan Ku berikan kesusahan yang sangat banyak sewaktu kamu mengandung; dengan kesakitan engkau akan melahirkan anakmu; namun engkau akan berahi kepada suamimu dan dia akan berkuasa ke atasmu”.


Dalam Kitab Talmud (Eruvin 100b) disebutkan bahawa akibat keenggaran Hawa di syurga maka kaum wanita secara keseluruhan akan menanggung 10 beban penderitaan:

1. Wanita akan mengalami kitar haid, yang sebelumnya tidak dialami Hawa.
2. Wanita akan mengalami kesakitan apabila melakukan persetubuhan pada kali pertama.
3. Wanita akan mengalami penderitaan dalam mengasuh dan memelihara anak-anaknya. Anak-anak memerlukan rawatan, pakaian, kebersihan dan asuhan sehingga dewasa. Ibu akan bimbang/rungsing apabila pertumbuhan anak-anaknya tidak seperti yang diharapkan.
4. Wanita akan merasa malu tentang tubuhnya sendiri.




Paradigma Baru Teologi Perempuan

5. Wanita tidak akan merasa selesa bergerak apabila kandungannya membesar.
6. Wanita akan merasa sakit apabila melahirkan anak.
7. Wanita tidak boleh mengahwini lebih daripada seorang lelaki.
8. Wanita akan mempunyai keinginan seks yang lebih lama berbanding dengan suaminya.
9. Wanita akan mempunyai hasrat untuk melakukan hubungan seks dengan suaminya tetapi akan mendapati sukar untuk menyampaikan hasratnya.
10. Wanita lebih suka tinggal di rumah.⁴³






Pernyataan di atas amat berbeza dengan al-Quran yang mempunyai pandangan lebih positif terhadap manusia. Al-Quran menegaskan bahawa Allah memuliakan seluruh anak cucu Adam, tanpa membezakan jenis kelamin dan warna kulit (Surah al-Isra' 17:70, Surah al-Hujurat 49:13).



Di dalam al-Quran, tiada satu ayat pun yang menunjukkan keutamaan seseorang kerana faktor jenis kelamin atau kerana keturunan bangsa tertentu. Personaliti dan autonomi wanita sejak awal tradisi Islam adalah amat jelas. Perjanjian, bai'at, sumpah dan nazar yang dilakukan oleh wanita mengikat dengan sendirinya seperti lelaki. Dalam tradisi Yahudi-Kristian, seorang wanita hidup di dalam pangkuan ayahnya, maka perjanjian, sumpah dan nazarnya dapat digugurkan oleh ayah, seperti yang disebutkan dalam *Kitab Bilangan* 30:5:

⁴³ Lihat I. Epstein, op.cit., h. 100b



Benarkah Wanita adalah Penggoda?

Tetapi jika ayah melarang anak perempuannya pada waktu dia mendengar (nazar dan janji wanita itu kepada tuhan) maka segala nazar dan janji yang mengikat diri anaknya tidak akan berlaku; dan Tuhan akan mengampuni wanita tersebut kerana ayahnya telah melarangnya.






Sebaliknya jika wanita itu hidup di dalam pangkuan suaminya, maka perjanjian, sumpah dan nazar wanita boleh digugurkan oleh suami, sebagaimana disebutkan di dalam Kitab Bilangan 30:8:


Tetapi apabila suaminya, pada waktu dia mendengar, melarang isterinya maka dia telah membatalkan nazar yang telah menjadi hutang isteri, janji yang diucapkan begitu sahaja dan yang mengikat isterinya.

Dalam tradisi Islam, wanita *mukallaf* dapat melakukan berbagai perjanjian, sumpah dan nazar, baik kepada sesama manusia mahupun Tuhan. Tiada sesuatu kekuatan yang dapat menggugurkan janji, sumpah atau nazar mereka sebagaimana ditegaskan dalam Surah al-Maidah 5:89:

Kamu tidak dikira salah oleh Allah tentang sumpah-sumpah kamu yang tidak disengajakan (untuk bersumpah), akan tetapi kamu dikira salah olehNya dengan sebab sumpah yang kamu sengaja kamu buat dengan bersungguh-sungguh. Maka bayaran dendanya ialah memberi makan sepuluh orang miskin dari jenis makanan yang sederhana yang kamu (biasa) berikan kepada keluarga kamu, atau memberi pakaian untuk mereka, atau memerdekakan seorang hamba. Kemudian sesiapa yang tidak dapat (menunaikan denda yang tersebut), maka hendaklah ia berpuasa tiga hari. Yang demikian itu ialah denda penebus sumpah kamu apabila kamu bersumpah. Dan jagalah – peliharalah sumpah kamu. Demikianlah Allah menerangkan kepada kamu ayat-ayatNya (hukum-hukum agamaNya) supaya kamu bersyukur.

Pernyataan ayat ini jelas sekali berbeza dengan pernyataan Al-Kitab yang mengisyaratkan wanita itu sebagai subordinat lelaki, iaitu anak








Paradigma Baru Teologi Perempuan

perempuan subordinat ayahnya dan isteri subordinat suaminya. Dalam tradisi Islam, ayah dan suami juga mempunyai kuasa khusus tetapi tidak sehingga mencampuri komitmen peribadi seorang wanita dengan Tuhannya. Bahkan dalam urusan keduniaan, wanita juga mempunyai hak sebagaimana yang diperolehi oleh lelaki. Pada suatu ketika sekelompok wanita berjumpa Nabi Muhammad untuk menyatakan sokongan politik (*bai'ah*) mereka. Peristiwa yang jarang berlaku ini menyebabkan turunnya Surah al-Mumtahanah 60:12:

Wahai Nabi! Apabila orang-orang perempuan yang beriman datang kepadamu untuk memberi pengakuan taat setia, bahawa mereka tidak akan melakukan syirik kepada Allah dengan sesuatu pun, dan mereka tidak akan mencuri, dan mereka tidak akan berzina, dan mereka tidak akan membunuh anak-anaknya, dan mereka tidak akan melakukan sesuatu perkara dusta yang mereka ada-adakan dari kemahuan hati mereka, dan mereka tidak akan menderhaka kepadamu dalam sesuatu perkara yang baik, maka terimalah pengakuan taat setia mereka dan pohonkanlah kepada Allah mengampuni dosa mereka; sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.

Semua ayat yang menceritakan tentang drama kosmik, iaitu cerita mengenai keadaan Adam dan pasangannya di syurga sehingga keluar ke bumi, selalu menekankan kedua-dua belah pihak secara aktif dengan menggunakan kata ganti untuk dua orang (*huma/هما*), iaitu kata ganti untuk Adam dan Hawa, seperti yang dapat dilihat dalam beberapa kes berikut:





1. Kedua-duanya diciptakan di syurga dan memanfaatkan kemudahan syurga. Ini disebut di dalam Surah al-Baqarah 2:35.
2. Kedua-duanya mendapat godaan yang sama banyak dari syaitan. Ini disebut di dalam Surah al-Araf 7:20.




Benarkah Wanita adalah Penggoda?

3. Sama-sama memakan buah khuldi dan kedua-duanya menerima akibat jatuh ke bumi. Ini disebut di dalam Surah al-Araf 7:22.
4. Sama-sama memohon ampun dan sama-sama diampuni Tuhan. Ini disebut dalam Surah al-Araf 7:23.
5. Setelah berada di bumi, kedua-duanya mengembangkan keturunan, saling melengkapi dan saling memerlukan dan ini disebut di dalam Surah al-Baqarah 2:187.

Pernyataan di dalam al-Quran di atas agak berbeza sekali dengan pernyataan-pernyataan di dalam Al-Kitab yang membebankan Hawa dengan kesalahan yang lebih berat. Ayat-ayat al-Quran yang tersebut di atas menyebut Adam dan Hawa secara bersama-sama sebagai pelaku dan bertanggungjawab terhadap drama kosmik tersebut.







Penutup

Terdapat berbagai alasan untuk memperkecilkan wanita dalam berbagai peranan sosial dengan bersandarkan agama Islam. Konsep kudrat yang selama ini difahami sebagai konsep agama dan merupakan ketentuan Tuhan (*divine creation*) ternyata secara umum adalah ciptaan masyarakat (*social creation*).

Persoalan-persoalan yang disebutkan di atas mempengaruhi pemikiran masyarakat dengan kuat sekali, sehingga wanita menganggap dirinya sebagai tidak layak disamakan tarafnya dengan lelaki. Implikasinya kaum wanita bersikap pasif dan bilangan mereka yang melebihi separuh daripada jumlah penduduk tidak digunakan secara maksimum.

Dalam keadaan yang penuh persaingan seperti sekarang ini, sudah sampai masanya pelbagai langkah diambil untuk menjanakan potensi wanita sepenuhnya. Ajaran Islam memang menerima perbezaan, tetapi bukan mendiskriminasikan antara lelaki dan wanita. Lelaki dan wanita mempunyai kedudukan yang sama dan harus digunakan untuk mencapai kualiti khalifah yang berjaya dan hamba yang taat.





Daftar Pusaka

Aiken, Lisa, *To Be Jewish Women*, Northvale, New Jersey, London: Jonson Aronson INC, 1992

Culbertston, Philip, *The Future of Male Spirituality*, New Adam, Minneapolis: Foetress Press, 1992

Epstein, Dr I., (Editorship), *Hebrew-English Edition of the Babylonian Talmud*, Vol. I (Erubin), London, Jerusalem: The Sonicino Press, 1976

Kamus Besar Bahasa Indonesia

Kitab Sejarah Islam: Tarikh al Umam wa al-Muluk

Lisan Arab

Schneider, Susan Weidman, *Jewish and Female, Choices and in Our Lives Today*, New York: Simon & Schuster, 1984


Sjoor, Monica and Barbara Mor, *The Great Cosmic Mother: Rediscovering the Religion of the Earth*, San Francisco: Harper and Row Publishers, 1985

Tafsir al-Qurtubi, Tafsir al-Mizan, Tafsir al-Kasir, Tafsir Ruh al-Bayan, Tafsir al-Saud, Tafsir Jami' al-Bayan

Tafsir al-Razi, Tafsir al-Jabari, Tafsir al-Maragi, Tafsir al-Jubai

The Holy Bible, Guelph, Ontario: The Gideons International in Canada

Wadud-Muhsin, Amina, *Qur'an and Women*, Kuala Lumpur: Fajar Bakti, 1992



Latarbelakang Penulis

Dr. Nasaruddin Umar, MA menamatkan ijazah pertama di IAIN Alauddin Ujung Pandang, S2 dan S3 di IAIN Syarif Hidayatullah Jakarta. Beliau pernah mengkaji isu gender di Jepun, Korea, Amerika Syarikat, Eropah dan Timur Tengah, dan menjadi pelajar lawatan di McGill University, Canada, Leiden University dan Paris University. Beliau kini adalah Pembantu Rektor IV IAIN Jakarta.

